

PERKESO, KSM kemuka cadangan lahir pekerja mahir

Shah Alam: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) diberi tempoh sebulan untuk mengemukakan cadangan dan bentuk latihan baharu bagi melahirkan pekerja yang lebih kompeten, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, PERKESO perlu memberi tumpuan kepada inisiatif untuk mempertingkatkan kemahiran bagi membolehkan negara bersaing dalam pasaran pekerjaan yang kompeten.

Katanya, perubahan teknologi yang pesat pada masa kini memerlukan mereka tidak lagi terikat dengan kaedah lama yang dianggap lapuk.

"Kita akan ketepikan kaedah dan kerenah birokrasi. Kita cuba ubah beberapa peraturan yang ada... saya pastikan kita boleh rombak, asalkan kita boleh capai kemajuan yang diharapkan."

"Satu bulan, keputusan yang dibuat, cadangan, bagaimana boleh kita adakan kejutan baharu dalam bentuk latihan termasuk *upskilling*, jauh lebih hebat daripada apa yang kita lakukan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika perasmian Karnival Kerja MYFutureJobs dan TVET



Anwar diiringi Steven (tiga dari kanan) serta Amirudin (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada penerima pada Karnival Kerja MYFutureJobs dan TVET PERKESO 2024, di Shah Alam, semalam.

PERKESO 2024, di Ideal Convention Center (IDCC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Timbalannya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Pengerusi Lembaga

PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Perdana Menteri berkata, latihan dan pendekatan baharu itu juga boleh diaplikasikan kepada pekerja PERKESO sendiri

yang berusia 30 hingga 40 tahun.

Katanya, ia bagi menambah kemahiran dan penguasaan mereka dalam Kecerdasan Buatan (AI) seterusnya dapat membantu meningkat dan mengangkat mutu kerja.

"Beri kakitangan PERKESO,

program *upskilling* dan pastikan berikan contoh yang baik seterusnya mencungkil bakat baharu.

"Pilih mana-mana pakar yang ada dan pinjam mereka sekejap untuk berikan taklimat kepada pengurusan PERKESO supaya dapat menguasai bidang contohnya AI," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan akan meningkatkan insentif tunai kepada majikan yang menggaji bekas banduan, pesara dan Orang Kurang Upaya (OKU) menerusi Program Daya Kerjaya 2.0.

Katanya, terdapat banyak peluang pekerjaan yang disediakan dalam semua sektor, termasuk Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Majikan digesa mengamalkan dasar lebih inklusif dalam pengambilan pekerja dengan mengutamakan warga tempatan dan tidak meminggirkan golongan rentan seperti OKU dan bekas banduan.

"Bagaimanapun, majikan diharapkan tidak terlalu bergantung kepada insentif berkenaan dan pada masa sama meletakkan lebih banyak usaha bagi memastikan keadilan kepada golongan berkenaan," katanya.